

16/11/1997

Desakan Perdana Menteri berundur hina rakyat Malaysia

KUANTAN: Tindakan 27 ahli Kongres Amerika Syarikat (AS) mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan, dianggap menghina maruah 20 juta rakyat negara ini.

Tindakan itu juga menggambarkan demokrasi yang sering dilaungkan negara itu sebenarnya tidak wujud, sebaliknya demokrasi itu disesuaikan dengan kepentingan mereka.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Fauzi Abdul Rahman, berkata AS tidak boleh mengajar rakyat negara ini untuk memilih siapa yang layak menjadi pemimpin kerana pemilihan Dr Mahathir dilakukan secara demokrasi menerusi pilihan raya.

Berikutan itu, beliau yang juga Ketua Umno bahagian Kuantan, berkata rakyat Malaysia tidak akan tunduk dengan desakan AS itu, sebaliknya akan terus memperjuangkan maruah negara walaupun penduduk negara ini lebih kecil berbanding AS.

"Tindakan ahli kongres AS itu menghina 20 juta penduduk Malaysia dan kita ingin mengingatkan mereka bahawa AS tidak perlu mengajar kita berpolitik untuk memilih pemimpin di negara ini," katanya kepada pemberita, di sini, semalam.

(END)